

## **PPTC KONSISTEN MEMELIHARA KELESTARIAN ALAM SEKITAR TASIK CHINI**

**KUANTAN, 13 JUN 2021:** Kerajaan Pahang bersama Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) yang ditubuhkan di bawah naungan Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2004 sentiasa konsisten ke arah memulihara dan memelihara kelestarian alam sekitar Tasik Chini.

Ketua Pusat Penyelidikan Tasik Chini menerusi satu laporan menjelaskan Tasik Chini Rizab Biosfera (TCRB) di bawah Program 'Man and Biosphere UNESCO' telah diiktiraf pada Mei 2009 sebagai kawasan Rizab Biosfera pertama di Malaysia berlandaskan tiga teras utama iaitu pemuliharaan daripada aspek ekosistem, landskap, spesies dan kepelbagaian genetik; sokongan logistik termasuklah aktiviti penyelidikan, pemantauan dan pembelajaran serta pembangunan yang merujuk kepada pembangunan ekonomi setempat dan pembangunan modal insan.

Beliau berkata, bagi menyokong dan menjayakan ketiga-tiga teras utama ini, TCRB dibahagikan kepada tiga zon iaitu Zon Teras, Zon Penampakan dan Zon Peralihan yang merupakan kawasan-kawasan yang mempunyai fungsi-fungsi yang berbeza.

"Penubuhan Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) adalah khusus untuk menjalankan penyelidikan, pengajaran, kerja lapangan, kesedaran alam sekitar dan penyebaran maklumat pengurusan tasik secara bersepadu," katanya menerusi laporan tersebut.

Beliau juga berkata, Kerajaan Pahang memperuntukkan tanah seluas 8.1 hektar (20 ekar) di pinggir Tasik Chini yang dijadikan makmal alami (living laboratory) bagi menjalankan penyelidikan dan pembelajaran selain membantu Kerajaan Pahang dalam usaha-usaha pemuliharaan, pemeliharaan serta kelestarian Tasik Chini.

Menurutnya, hubungan antara Kerajaan Pahang dan UKM dengan penubuhan PPTC sejajar dengan keperluan pelaksanaan dasar-dasar yang terkandung di bawah Rancangan Struktur Negeri Pahang (2050) dan Rancangan Khas Kawasan Tasik Chini (2018) ke arah pembangunan mampan dan pemuliharaan Tasik Chini sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

"UKM melalui PPTC memberi komitmen tinggi kepada Kerajaan Pahang dalam bentuk penyediaan kepakaran dan kewangan demi usaha pemuliharaan melalui penyediaan

Pelan Pelaksanaan Strategik bersama-sama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang digunakan dalam Rancangan Khas Kawasan Tasik Chini.

“Selain itu, pembinaan stesen ‘real-time monitoring’ ke atas kualiti air di sungai-sungai pembekal di Tasik Chini, dapat membantu dalam aspek pemantauan kualiti air dengan lebih berkesan,” katanya.

Beliau juga berkata, beberapa projek pemuliharaan yang dijalankan bersama-sama agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Jabatan Perikanan Negeri Pahang, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Pahang serta Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM).

Menurutnya, antara projek pemuliharaan ini termasuklah aktiviti penanaman semula hutan, pembinaan nurseri ikan serta pelepasan ikan bagi penambahan sumber perikanan air tawar, pemulihan tebing Sungai Chini, pemuliharaan teratai serta latihan dan kesedaran alam sekitar kepada komuniti tempatan.

“Penyelidikan translasi juga dilaksanakan dengan menyumbang semula hasil dapatan penyelidikan dalam bentuk program kesedaran, modul pembelajaran dan latihan kepada masyarakat tempatan untuk membantu membangunkan status sosioekonomi dan taraf pendidikan mereka khususnya masyarakat Orang Asli yang mendiami sekitar Tasik Chini di Kampung Gulum, Kampung Melai, Kampung Cendahan dan Kampung Tanjung Puput.

“Menerusi usaha-usaha ini telah berjaya mengekalkan kelestarian alam sekitar dan kebudayaan di sebahagian besar kawasan Tasik Chini, dan akan diteruskan bagi memastikan keseluruhan kawasan Tasik Chini terus dipulihara dan terpelihara alam sekitarnya,” katanya. **-PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**  
**#Pahang1st**  
**#KerajaanNegeriPahang**  
**#UKOMP**



